

05/03/1997

Negara hilang tokoh korporat Melayu (HL)

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin politik dan korporat menyifatkan kematian Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad, sebagai kehilangan seorang tokoh usahawan Melayu yang sukar dicari ganti.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyifatkan pemergian Yahaya satu kehilangan peribadi dan juga kepada negara.

"Yahaya adalah sahabat saya di sekolah, seorang tokoh usahawan yang kita banggakan. Kehilangan beliau ialah kehilangan peribadi kepada saya dan negara," katanya.

Bercakap kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia di sini hari ini, beliau berkata mereka bersahabat sejak 35 tahun lalu iaitu ketika belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

Yahaya, 51, terbunuh dalam nahas helikopter di Kampung Atong, Jeransang, kira-kira 41 kilometer dari Kuala Lipis, Pahang, malam tadi.

Turut terkorban dalam nahas itu ialah isteri Yahaya, Puan Sri Rohana Othman, 48, dan juruterbang helikopter Agusta A 109E milik Gadek Aviation Helicopter Sdn Bhd, Mejar (B) Azlizan Abdul Manas, 32.

Mereka sedang menuju ke Kuala Terengganu dari Kuala Lumpur untuk menziarah ibu Yahaya, Mandak Omar, yang sedang sakit tenat dan dirawat di Hospital Kuala Terengganu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar, adalah antara orang kenamaan negara yang menziarahi jenazah Allahyarham di rumahnya di Kuala Terengganu, petang ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, pula menyifatkan Yahaya lambang kejayaan seorang usahawan yang membuktikan kebolehan luar biasa sehingga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, Allahyarham Yahaya juga berjaya mengendalikan industri kereta nasional serta beberapa perusahaan penting lain.

"Saya cukup sedih dengan kemalangan itu. Beliau memang hebat. Saya mula mengenali beliau pada 1984 ketika saya menjadi Menteri Besar Pahang.

"Selepas menjalankan perusahaan kereta secara tidak menonjol untuk sekian lama dan sudah terbukti kebolehannya, beliau diberi kepercayaan lebih besar oleh kerajaan," katanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menyifatkan kematian Yahaya sebagai satu kehilangan besar kepada dunia perdagangan di dalam negara dan antarabangsa.

Menurutnya, Allahyarham adalah seorang tokoh perniagaan yang bukan saja banyak menyemarakkan nama Malaysia, malah berjaya membuktikan bahawa anak Melayu mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Allahyarham adalah tokoh korporat Melayu yang menjadi contoh kepada usahawan lain kerana sikapnya yang mengutamakan kepentingan bangsa dan negara.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang agak emosi dengan kehilangan itu berkata:

"Kita kehilangan dia (Yahaya) dan tokoh sepertinya sukar dicari ganti".

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Allahyarham adalah seorang yang pintar, cekap, gigih bekerja dan bukan sahaja memahami masalah global, tetapi begitu peka dengan masalah di dalam negeri sendiri.

"Saya amat sedih kerana Allahyarham adalah contoh kepada orang Melayu yang ingin berjaya dalam bidang perniagaan," katanya.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, menganggap pemergian

Allahyarham satu kehilangan besar dalam `dunia automatif' negara, terutamanya di Pahang, berikutan kewujudan kompleks kilang membuat pelbagai jenis kenderaan milik syarikatnya di Pekan.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, pula berkata sukar untuk mencari pengganti ahli perniagaan yang cekap dan mempunyai kualiti kepimpinan yang baik.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Yahaya mempunyai banyak pengalaman dalam bidang perniagaan terutama selepas mengambil alih Proton dan menjadi contoh sebagai seorang perintis Bumiputera yang tiada tandingannya.

Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli, berkata Allahyarham memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi, khususnya industri automobil dan pengangkutan negara.

Pengerusi Eksekutif Mara Holdings Sdn Bhd, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh, berkata Yahaya adalah tokoh korporat Melayu yang disegani, bukan saja di negara ini, malah di luar negara.

(END)